

Alam dalam Antologi Cakerawala Islam Nusantara: Satu Analisis Takmilah

Nature in the Anthology of Cakerawala Islam Nusantara: The Takmilah Analysis

MAISARAH YAACOB^{1*}, MAHARAM MAMAT², ZALIZA MOHAMAD NASIR³, DAING ZAIRI MA'AROF⁴ & EXZAYRANI AWANG SULAIMAN⁵

¹IPG Kampus Pendidikan Islam, Jalan Maktab, Off Jalan, Ayer Hitam, Seksyen 12, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

²Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

³Akademi Bahasa, Fakulti Sains dan kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

⁴Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

⁵Program Bahasa Melayu & Linguistik, Fakulti Sastera & Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410, Brunei Darussalam.

Corresponding author; email: maisarahmy@yahoo.com

Received: 22 June 2023 / Revised: 28 December 2023/ Accepted: 8 January 2024 /

Publish: 1 June 2024

ABSTRAK

Alam berperanan kepada pembentukan jati diri dan pembangunan kemanusiaan. Karya kreatif pula menjadi medium utama untuk mendidik manusia menjadi lebih baik, justeru karya seperti sajak menyelit unsur pengajaran secara kreatif dan berkesan. Pengkarya menjadikan alam sebagai imej dalam menyelitkan mesej kepada khalayak. Kajian ini bertujuan menganalisis perkaitan alam dan kesannya kepada manusia dari jurus pandang tujuh orang penyair yang terkandung dalam Antologi 'Cakerawala Islam Nusantara' (2023). Antologi ini mengandungi sajak garapan 203 orang penyair dan diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Penelitian ini menganalisis perkaitan antara alam dan kesannya kepada manusia dari sudut pandang Teori Takmilah. Analisis karya memfokuskan kepada prinsip ketujuh dalam teori tersebut, iaitu proses keilmuan digarap dalam karya sejajar dengan tujuan memupuk ke arah insan kamil. Kajian ini mendapati bahawa sajak yang dihasilkan tujuh pengarang terbabit berupaya menjadikan alam sebagai panduan kehidupan, seterusnya membentuk khalayak menjadi lebih baik sejajar dengan matlamat ketujuh dalam Teori Takmilah.

Kata kunci: Takmilah; nature; kemenjadian; sajak dan keinsanan

ABSTRACT

The world is crucial to shaping one's identity and promoting human development. Poetry, in particular, serves as an endless channel for educating people and inspiring growth. The goal of this research is to examine the relationship between nature and its impact on humanity as depicted by seven poets in the anthology 'Cakerawala Islam Nusantara' (2023). This anthology includes poems written by 203 poets and published by Kelantan's Islamic Council and Malay Customs. The study looks at the relationship between nature and its impact on humans through the lens of the Takmilah Theory. The analysis of the works concentrates on the theory's seventh principle, which emphasizes the integration of intellectual processes into creative works to foster the development of an ideal human being. The findings of this study indicate that the poems produced by the seven authors successfully utilize nature as a guiding force for life, thereby facilitating the transformation of the audience in alignment with the seventh objective of the Takmilah Theory.

Keyword: Takmilah; world; success; poem and humanity

PENGENALAN

Keindahan alam menjadi sumber utama dalam karya. Alam bukan sahaja memberi ketenangan kepada pengarang semasa menikmati keindahannya, tetapi juga turut menyumbang terhadap kemantapan bidang kesusasteraan itu sendiri. Pemilihan objek alam digarap dengan bahasa yang puitis menjadikan sesuatu karya lebih hidup di mata khalayak. Keupayaan pemilihan diksi tepat dan segar memberikan nilai tambah kepada pengkarya untuk menyalurkan ideanya kepada pembaca. Karya sastera seharusnya menjadi rakaman kehidupan sosial yang mengangkat pembangunan modal insan dengan menekankan nilai-nilai positif. Masej karya perlu sejajar dengan akhlak dan moral melalui penggambaran nilai murni (Siti Dahlia & Mawar Safei 2023). Keindahan sastera dalam karya juga lebih bermakna apabila digarap bersama-sama nilai keagamaan. Justeru, pengarang yang mantap ilmu keagamaan lebih senang menghasilkan sesebuah karya berunsur keagamaan seperti yang disarankan dalam Teori Takmilah. Hal ini selaras dengan ketetapan dalam teori ini yang menggariskan unsur keagamaan digarap seiring dengan nilai estetik dalam sebuah karya sastera.

Islam yang syumul membawa kecemerlangan kepada semua penganutnya. Justeru, usaha dakwah secara komprehensif berjaya menyebarkan Islam ke seluruh muka bumi, pada masa yang sama telah melunturkan budaya jahiliah dan segala amalan yang tidak bermoral sebelum ini. Individu yang mempunyai kedudukan moral lebih tinggi cenderung untuk menafsirkan konteks semasa mereka dengan lebih bermoral atau beretika. Perbezaan ini menyumbang kepada pilihan etika apabila membuat keputusan (Helzer, Cohen & Kim 2021). Ini secara langsung mengintegrasikan nilai moral dalam seluruh kehidupan termasuk pekerjaan dan kepimpinan (Allen & Fry 2023). Walaupun asas moral adalah berbeza-beza dalam konteks budaya, negara dan tempoh sejarah, namun individu yang berkongsi pertalian agama mempunyai komitmen terhadap amalan agama tersebut di seluruh dunia (Ahmad Fadhli 2023; Atari et al. 2023; Kivikangas et al 2021; Martí-Vilar, Escrig-Espuig & Merino-Soto 2023; White, Muthukrishna & Norenzayan 2021; Sasan 2023). Dalam hal ini, bidang kesusasteraan mampu menjadi medium penyebaran agama Islam. Nilai Islam ditukang dengan cermat dalam karya sastera dan menjadi sebahagian cara untuk mendidik masyarakat (Zainuddin, Mustafiyanti &

Muhammad Muttaqin 2022). Perkara seumpama ini pernah berlaku pada zaman Rasulullah SAW melalui sumbangan beberapa orang penyair Islam seperti Hassan ibnu Thabit, Abdullah ibnu Rawahah, Umayyah ibnu Sali dan Kaab ibnu Malik.

Tugas dakwah menyampaikan cahaya keislaman ini telah diteruskan oleh para sahabat Rasulullah SAW. Legasi dakwah ini kemudiannya diteruskan oleh tokoh-tokoh ilmuan dan para ulama sehingga kini. Menurut Muhammad Bukhari Lubis (2004), penulisan kitab agama berbahasa Arab dan Melayu di kepulauan Nusantara terdapat di wilayah Pattani. Walaupun penulisan mereka hanya dalam bentuk puisi namun kitab ini telah memberikan sumbangan yang cukup besar dalam kesusasteraan Islam di alam Melayu khasnya dunia Islam. Karya yang dihasilkan tokoh-tokoh seperti Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Syeikh Muhamad Kecik al-Fatani merupakan kitab-kitab utama yang menjadi rujukan pelajar aliran pondok di Pattani dan sekitarnya sehingga kini.

PERNYATAAN MASALAH

Alam dan manusia mempunyai peranan membantu kelestarian kehidupan sejagat. Hal ini mempengaruhi pembentukan jati diri dan pembangunan kemanusiaan. Peranan alam sering diterapkan dalam penulisan kreatif. Khazanah alam dengan rahsia tersendiri, mampu mengajak manusia berfikir untuk meneroka dan mencari kebaikan yang tidak terkira nilainya. Dalam hal ini, pengarang akan melihat alam dengan mata hati yang berbeza. Pelbagai perkara sering menjadi fokus perbincangan seperti penerokaan tanah, pencemaran, pembalakan, banjir kilat, tanah runtuh dan kawasan rekreasi. Justeru, dapat dilihat keupayaan pengarang mengadunkan unsur alam dalam penghasilan karya mereka.

Pengetahuan asas berkaitan alam sekitar sangat penting bagi membudayakan persekitaran lestari yang akan diimplementasikan dalam cara hidup masyarakat secara berterusan (Okti, Reynatania, Zulfa Azza & Inayatul 2020). Karya yang rapat hubungannya dengan khalayak akan mendidik, menanamkan sifat tauhid, mengagungkan Allah, menentang kebatilan dan mengajak pembaca ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar 1997). Prinsip ini berupaya memberi kesan positif kepada pembaca dan membentuk masyarakat yang berakhlak (Mohd Firdaus 2018; Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus 2023). Karya sastera berkualiti seharusnya

mampu berkongsi pengalaman pengarang tentang alam kepada pembaca.

Kajian ini menyenaraikan kehadiran unsur alam dalam sajak tujuh penyair terpilih iaitu Abham T.R, Azli Ibrahim, Baharudidin Sairi, Indri Yuswandari, Mahasin Mearaj, Muhammad Lufti Wijaya Jaya, dan Rosli K.Matari. Setiap sajak ini merungkaikan persoalan yang begitu menarik dalam karya. Pemilihan penyair ini berasaskan tema yang dibincangkan dalam puisi mereka yang mana mengajak manusia menjadi lebih baik. Penyair menggunakan alam sebagai simbol menyampaikan sesuatu mesej secara tersirat yang dianalisis berdasarkan prinsip ketujuh Teori Takmilah, iaitu mendorong khalayak untuk menjadi insan yang lebih baik.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian merungkaikan fungsi unsur alam yang digunakan dalam tujuh sajak yang dihasilkan tujuh orang penyair dalam Antologi ‘Cakerawala Islam Nusantara’ (2023), (ACIN). Antologi ini mengandungi sajak garapan 203 orang penyair dan diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Pemilihan sajak-sajak terbabit dilakukan berdasarkan kedekatan tema alam sekitar, diangkat dalam sajak berkenaan dan menepati lima fakulti yang terdapat dalam Teori Takmilah. Kajian akan menganalisis fungsi alam dalam menjadikan manusia lebih baik seperti yang tercatat dalam prinsip ketujuh Teori Takmilah.

Pemilihan alam yang berbeza dalam menyampaikan mesej yang tersirat memaparkan kreativiti setiap pengarang dalam melontarkan idea. Seterusnya, analisis ini akan merungkaikan adakah unsur alam yang diterapkan dalam setiap sajak menepati lima fakulti (Alamiah, Pancaindera, Hati Nurani, Akli dan Rohani) berdasarkan prinsip ketujuh dalam Teori Takmilah.

TEORI TAKMILAH

Teori Takmilah berkembang seiring dengan kemantapan istilah-istilah yang digunakan seperti *Kamal* (كامل), *Kamil* (كامل), *Akmal* (أكمل) *Takamul* (تکامل), *Takmilah* (تكميلة), dan *Istikmal* (استكمال). Semua perkataan ini berasal daripada istilah *Kamal* dan darinya lahir istilah *Takmilah*. Takmilah menekankan kepada ketuhanan, kenabian, keislaman, ilmu dan sastera, estetik dalam sastera, pengkarya dan khalayak. Mana Sikana (2014) dan Siti Nur Anis, et al (2022) menyatakan bahawa Teori Takmilah sesuai digunakan untuk menganalisis unsur seni yang menekankan kepada kesempurnaan dan keindahan. Justeru itu, hasrat meningkatkan nilai insani dapat dicapai berdasarkan tujuh prinsip utama iaitu kesempurnaan dari aspek ketuhanan (*Kamal*), kerasulan (*Kamil*), keislaman (*Akmal*), prinsip ilmu (*Takamul*), kesusasteraan (*Takmilah*), pengkarya (*Istikmal*) dan insan (*Kamil*). Secara umumnya Teori Takmilah dapat ditunjukkan dalam rajah 1:




RAJAH 1. Teori Takmilah: Konsep dan Prinsip

Sumber: “Takmilah Teori, Falsafah dan Prinsip dalam dan Budaya Dalam Kajian Akademi”. JPM. Bangi. 1997

Merujuk kepada rajah 1 ini, prinsip ketujuh bertujuan melahirkan insan yang lebih sempurna dan bersifat *kamil*. Ini merujuk kepada mesej yang disampaikan dalam karya sastera sebagai satu bentuk pendidikan dengan matlamat mengubah manusia ke arah yang lebih baik. Secara umum, insan ialah perkataan pinjaman bahasa Arab yang bermaksud manusia, iaitu makhluk yang dicipta Allah SWT yang tidak terlepas daripada kealpaan. Keinsanan bermaksud manusia atau sifat kemanusiaan. Manusia terdiri daripada dua unsur asal, benda yang berasal dari bumi dan roh yang berasal daripada Allah SWT. Maka hakikat pada manusia adalah rohnya, sedangkan jasadnya hanyalah alat yang digunakan oleh roh untuk menjalani kehidupan material di alam dunia yang bersifat benda (Haron Din 2010). Roh ini merupakan satu kemurnian dan pinjaman kepada jasad sahaja, kelak roh akan diadili mengikut amalan.

Terdapat beberapa aspek perlu difokuskan dalam diri manusia dengan menekankan aspek alamiah, inderawiah, hati nurani, akli dan rohani. Pada dasarnya prinsip khalayak yang *Kamil* dalam Teori Takmilah mempunyai lima fakulti bermula daripada alamiah, iaitu apa-apa sahaja peristiwa seharian yang pernah dilalui. Fakulti seterusnya ialah inderawiah, iaitu tahap manusia mula merasai dan membezakan sesuatu yang berlaku menggunakan pancaindera yang dimiliki. Tahap ketiga ialah hati nurani, iaitu tahap yang melibatkan perasaan dan kemanusiaan. Pada tahap berikutnya manusia menggunakan akal untuk merancang dan melaksanakan sesuatu berdasarkan pertimbangan dan penilaian. Tahap tertinggi ialah fakulti rohani yang mempunyai kaitan dengan ilmu kesufian. Lima fakulti prinsip tersebut digambarkan seperti rajah 2 berikut:



RAJAH 2. Fakulti Alamiah, Akli, Inderawiah, Hati Nurani & Rohaniah dalam Teori Takmilah
 Sumber: Shafie Abu Bakar 1997: 2521

Pengarang dan khalayak akan berasa sentuhan melalui karya yang dibaca. Kelembutan dan nilai gramatis yang dimasukkan pada tahap fakulti, menimbulkan konflik dan diikuti peleraian yang disepakati. Ciri-ciri kalbu (hati nurani) insaniah ini terpancar dari segi unsur budi, kasih sayang, rindu dendam, duka memendam, suka gembira, belas kasihan, cinta, untung nasib dan sebagainya (Shafie Abu Bakar 1997). Semua ciri ini akan membentuk keperibadian dan jati diri seseorang. Aspek positif dalam pembentukan jati diri menjadi amalan mulia yang menyerlahkan nilai murni. Ia diterjemahkan melalui akhlak yang akan menjadi pedoman dalam kehidupan. Jati diri yang kukuh ini secara tidak

langsung memberi impak dan pengaruh tidak langsung kepada perwatakan seseorang (Siti Dahlia & Mawar Safei 2023). Allah telah menciptakan jiwa setiap manusia dalam keadaan sempurna dan suci (Abdul Hamid & Badrah Uyuni 2023; Zurina Zakaria & Ashraf Ismail 2023). Jati diri dan akhlak ini pula merupakan terjemahan terhadap kesucian hati. Hati menjadi satu dimensi yang mungkin akan mendatangkan kebaikan dan keburukan. Qalb: Qalb (ada juga yang menamakan sebagai hati tetapi bukan organ hati yang terdapat dalam tubuh manusia) juga merupakan unsur yang terdapat pada seorang manusia sebagaimana firman Allah SWT yang Surah al-A'raaf ayat 179 yang bermaksud:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai Qalb (hati) (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat): mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi: mereka itulah orang-orang yang lalai.

(Mohd Yusof Othman 2013: 35-36)

Allah SWT memberi amaran kepada manusia agar tidak mensia-siakan anugerah yang diberikan kepada mereka. Lantaran itu, dalam seni kreatif sesebuah karya seperti sajak perlu membawa pemikiran yang positif. Berdasarkan Teori Takmilah, fakulti hati nurani merupakan penglihatan hati yang tulus dan luhur pada seseorang pengkarya untuk menghasilkan karya yang bermutu dan meninggalkan kesan yang tinggi terhadap khalayak (Kamariah Kamarudin 2011). Sifatnya adalah subjektif dan mempunyai hubungan yang rapat dengan fakulti kedua iaitu hati nurani. Bezanya: aspek hati nurani lebih menekankan kemanusiaan, manakala bagi aspek akliah lebih bersifat rasional. Namun, kedua-duanya juga tergolong di bawah keindahan maknawi yang mentakmilahkan sastera (Shafie Abu Bakar 1997). Gandingan kedua-dua unsur ini mampu membentuk kesempurnaan jika dijana dengan ilmu yang berfaedah dan begitulah sebaliknya. Perkara sebegini berlaku kerana terdapat kecenderungan manusia yang berbeza-beza dan dipengaruhi pelbagai unsur dalaman dan luaran, atau kekeliruan tindakan betul dan salah yang saling berlawanan. Sekalipun begitu Siti Faridah, Norazimah & Mazarul Hasan (2023) berpendapat bahawa teori takmilah bukan sahaja menjadi platform untuk menganalisis teks sastera dari pelbagai sudut seperti estetika, tetapi juga digunakan untuk mengangkat teks 'pahala' yang diterima Allah sebagai salah satu amal ibadah.

Pengurniaan akal kepada manusia adalah untuk membezakan dan memuliakan manusia berbanding makhluk lain. Akal mendorong kepada perkara yang positif dan mengundang kebaikan sejagat namun untuk melaksanakan kebaikan akan menempuh seribu satu halangan kerana terdapat godaan daripada hawa nafsu. Akal mendamba sesuatu yang lebih mencabar dan mampu menajamkan fikiran dalam usaha meningkatkannya (Ungku Maimunah Mohd Tahir 2007). Dalam kehidupan berlaku kekeliruan dan perebutan antara perkara baik dan yang buruk mengikut keupayaan akal yang terhad. Di sinilah ilmu diperlukan sebagai penunjuk arah. Semua hal yang bersumberkan dorongan hawa nafsu hakikatnya adalah keburukan sekalipun berselubung dengan keindahan, sementara akal pula berupaya menunjukkan kebenaran dengan hujah yang benar (Al-Imam Al-Ghazali, 2008). Petunjuk daripada Allah SWT diperlukan dalam menghadapi persimpangan yang mengelirukan agar kita tidak terus berada dalam keadaan yang tidak sepatutnya. Shafie Abu Bakar (1985) menjelaskan bahawa Allah SWT mengurniakan akal kepada manusia untuk memperbaiki dirinya dengan ilmu dan rasional akalnya serta menjadi neraca timbangan diri yang membezakan antara perkara benar dengan perkara salah atau antara hal baik dengan hal buruk.

Manusia berilmu bukan sahaja mampu membuat pilihan yang tepat tetapi juga mampu menjinakkan nafsu dengan baik berdasarkan keimanannya. Nafsu yang dilatih pula akan mampu membawa

tubuh kepada matlamat yang disasarkan. Nafsu yang bermotivasi harus diarahkan kepada kebaikan kerana tujuan nafsu dicipta adalah bagi mentaati Penciptanya (Mohd Khairul Nizam 2012). Nafsu makan, berkeluarga, kaya, cantik, bebas adalah antara beberapa keperluan asas dalam kehidupan yang diperlukan tetapi mengikut kadar keperluan dan kemampuan setiap individu. Elemen ini menjadi negatif apabila melangkaui batas keperluan dan mendatangkan mudarat pada individu berkenaan dan masyarakat sejagat.

Keistimewaan mengasimilasikan karya-karya berunsur Islam akan menjadi sumber ilmu yang mana menjurus kepada kandungan kitab suci al-Quran yang merupakan gedung sumber kesusasteraan. Keadaan ini menuntut kita untuk memahami seluruh ayat al-Quran secara komprehensif agar membolehkan seseorang itu memiliki berbagai-bagai disiplin ilmu. Kepelembagaan disiplin dalam Islam membolehkan umatnya berada dalam keadaan yang kuat dengan cara pemikiran yang rasional dan berusaha menggunakan ilmu dan teknologi moden untuk pemodenan dan kesejahteraan ummah. Era baharu menjadi cabaran yang besar dalam kehidupan dan memerlukan banyak inovasi termasuk aktiviti dakwah (Rila 2023). Berdasarkan semua keperluan itu kesejahteraan insaniah amat dituntut dalam mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan negara. Lantaran itu, usaha dalam merealisasikan

matlamat tersebut menuntut kesungguhan untuk melaksanakan amanah yang diberikan. Dalam diri setiap insan yang mematuhi sunnah ini terdapat kesentosaan dan kemakmuran yang akan memancarkan segala tingkah laku dan sifat yang mulia (Ali Ahmad1999) Dalam hal ini manusia akan selamat dengan adanya ilmu yang benar untuk memacu dirinya ke arah jalan yang diredai Allah SWT Yang Maha Bijaksana. Justeru, pendakwah perlu menggunakan akal dengan kreatif disamping pendekatan dan kecekapan teknologi semasa dalam menyalurkan mesej kepada khalayak dengan cekap.

ALAM DALAM ANTOLOGI CAKERAWALA ISLAM NUSANTARA

Unsur alam dipaparkan dalam al-Quran sebagai panduan kehidupan. Surah al-Nahl umpamanya, banyak memaparkan tentang kehidupan dan ekosistem dunia. Surah ini mengandungi 128 ayat berkisar tentang kejadian alam sejagat. Dalam surah ini, penjelasan tentang segala unsur alam termasuk kejadian penciptaan manusia, laut dan alam semulajadi seperti kejadian siang dan malam, bintang-bintang, hujan dan gunung ganang menjadi bukti tentang kekuasaan dan kasih sayang Allah. Ayat 14 hingga 16 surah Al-Nahl diterjemahkan seperti yang berikut;

Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya; dan supaya kamu bersyukur. Dan Ia mengadakan di bumi gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu; dan Ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju. Dan (Ia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.

(Al-Quran 16; 14-16)

Terjemahan di atas memperlihatkan keindahan alam yang terhidang indah dengan pelbagai manfaatnya. Justeru, tidak hairanlah apabila sumber ini menjadi kekerapan pengarang mencari ilham. Pelbagai kaedah dan elemen dengan tujuan sama ada menyerlahkan karya yang puitis dan indah, menguatkan makna, memaparkan unsur-unsur perlambangan atau mewujudkan warna tempatan. Kehadiran unsur alam sekitar dalam karya berfungsi sebagai pelengkap agar lebih gramatis, matang dan harmoni. Unsur puitika ialah cara mengungkapkan fikiran melalui bahasa secara khususnya yang dapat

memperlihatkan jiwa dan keperibadian pencipta-Nya (Wan Akmal Wan Semara 2005). Adakalanya, unsur alam diketengahkan dalam bentuk perlambangan yang mempunyai pelbagai makna. Keadaan ini bakal memberi gambaran yang berbeza berdasarkan makna sebenar sesuatu perkataan yang digunakan.

Khalayak ialah pembaca yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Usaha menjadikan khalayak lebih baik merangkumi lima fakulti yang telah dibincangkan. Bermula fakulti alamiah yang merangkumi latar tempat, manusia, alam dan peristiwa. Kajian pada peringkat ini hanya menyentuh

unsur alam dalam setiap puisi. Analisis seterusnya fakulti inderawiah yang merangkumi penggunaan pancaindera dalam karya. Seterusnya, fakulti hati nurani yang merangkumi budi bahasa, kasih sayang, rindu, gembira dan sebagainya yang terdapat dalam karya. Fakulti keempat merupakan peringkat akliah yang mana pemikiran bersifat ilmu, logik, retorik dan sebagainya. Fakulti tertinggi dalam setiap karya sepatutnya mempunyai unsur rohani yang mana mendekatkan khalayak dengan Allah SWT dengan menggunakan istilah-istilah tasawuf dan berunsur ajakan kepada kebaikan. Karya yang baik secara halus akan dapat membimbing pembaca dengan nilai, falsafah dan sudut pandangan yang dibawa. Daripada kaca mata sastera Islam, khalayak ialah fokus bagi karya sastera (Shafie Abu Bakar 1995). Perincian analisis pada prinsip khalayak berfokus kepada lima fakulti yang ada pada setiap insan. Setiap fakulti ini mempunyai tugas tersendiri yang kemudiannya bersatu teguh melaksanakan satu matlamat yang sama.

Tema merupakan idea utama yang mengawal sesebuah karya yang mungkin disampaikan secara langsung atau tidak langsung. Pemilihan tema akan menjadi pokok persoalan sesuatu karya. Tema dipilih mungkin berdasarkan pengalaman, imaginasi dan konflik. Imaginasi selalunya melahirkan perkara-perkara ajaib yang disulap daripada kenyataan (realiti). Dengan kata lain, menjadikan data peristiwa yang hitam putih berwarna-warni dan mengujakan (S.M. Zakir 2011). Seterusnya, ciri-ciri sastera Islam seharusnya mengandungi segala unsur dan nilai agama Islam secara sejagat, justeru tema yang diadun dengan imaginasi indah akan menjadikan karya kreatif lebih berwajah dan bernyawa. Pengamatan terhadap sastera bukan sekadar sebagai bahan hiburan semata-mata tetapi turut menjangkau kepada luasnya horizon pengetahuan dan penguasaan ilmu (Kamariah Kamarudin 2014). Karya seharusnya mampu mendidik pembaca ke arah pembentukan insan kamil yang akan meningkatkan kualiti insan beriman dan bertaqwa (Fawzia Gilani-

Williams 2023; Jaffary Awang & M. Adib Fuandi 2020; Muhammad Nur Al-Hakim & Mohd Firdaus 2023; Tengku Sarina, Yusmini Md Yusoff & Fadillah Mansor 2021). Oleh yang demikian, sajak yang dianalisis mempunyai kekuatan tersendiri sebagai salah satu agen mendidik serta keupayaan memberikan bimbingan, motivasi dan panduan kepada khalayak menjadi lebih baik.

Antologi Cakerawala Islam Nusantara 2023 (ACIN) yang menjadi teras utama kajian ini merupakan sebuah antologi sajak yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Kelantan. ACIN mengandungi garapan 203 orang penyair dengan adunan karya-karya hebat berjumlah 326 puisi yang dihasilkan menyentuh tentang cakerawala dan perkaitannya. Puisi kajian memperlihatkan kreativiti para penyair melontarkan idea dan kata, berkongsi pengetahuan, dan buah fikiran, seterusnya mendatangkan manfaat sebaik-baiknya kepada manusia dengan melontarkan isi pemikirannya secara kesatuan yang realistik dan holistik, meyakinkan serta dikarang secara baik, halus berseni dan indah (A Aziz Deraman & Abd. Razak Ismail 2023). Penerbitan ACIN berperanan membentuk keperibadian insan agar beriman, berilmu dan beramal yang mana berupaya mencapai ketakwaan, berakhlak mulia.

Penelitian terhadap Antologi 'Cakerawala Islam Nusantara' (2023) ini akhirnya menyenaraikan tujuh buah sajak daripada tujuh orang penyair dipilih untuk dianalisis, iaitu Abham T.R, Azli Ibrahim, Baharudin Sairi, Indri Yuswandari, Mahasin Mearaj, Muhammad Lufti Wijaya Jaya dan Rosli K. Matari (rujuk Lampiran untuk senarai sajak kajian). Pemilihan sajak-sajak terbabit dilakukan berdasarkan kedekatan tema alam sekitar diangkat dalam sajak berkenaan dan menepati lima fakulti yang terdapat dalam Teori Takmilah. Secara ringkas, analisis bagi Lima Fakulti dalam Teori Takmilah berdasarkan sajak kajian dapat dilihat seperti paparan Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Lima Fakulti dalam Sajak Berdasarkan Teori Takmilah

| Sajak | Alamiah | Pancaiendera | Hati Nurani | Akli | Rohani | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|--------------|
| Abham T.R (Ketika Menunggu Matahari Terbenam) muka surat 32 | -matahari -langit -awan - hujan - benih | | -resah -menungan -cerah -sinar -merana -muncul -wajah -kepanasan | -rajin -benih-benih kehidupan | -keinsafan -rezeki | Lima Fakulti |
| Azli Ibrahim (Pesan Ayah) muka surat 69 | - siang - malam - keringat - hujan - tulang | | -membanting -keringat -titip -letih -mengantuk -bercerai -gemilang | -bersedekah -berzakat -solat -amalan -dikapankan | -penyuluh kegelapan -ukuran keimanan | Lima Fakulti |
| Baharudidin Sairi (Sewangi Ketupat Emak) muka surat 70 | -angin -dapur -embun -air mata - hujan | -harum -wangi -rasa -hirup -manis | -kirim -menjemput -kerinduan -kenangan -terkurung -mati | -lingkungan pergerakan | -insaf | Lima Fakulti |
| Indri Yuswandari (Sebelum Senja Tiba) muka surat 142 | -angin -langit -malam -angin -senja -hujan | -dengar -kata-kata | -menunggu -terlanjur -bergegas -hembusan -berangkat -berwasiat | -langit menjatuhkan hujan | | |
| Mahasin Mearaj (Bintang, Matahari dan Bulan) muka surat 162 | -buruj -lautan -malam -bulan -cenggerik -bintang -matahari -awan -pasir -hutan | -dengar -bunyian -berkelip | -gerhana -hadir | -azan -syawal -Puasa Ramadan -Zulhijjah -Nabi Ismail -Aidil Adha | -Rabbul Izzati | Lima Fakulti |
| Muhammad Lufti Wijaya Jaya (Bunga Ketenangan) muka surat 183 | -angin -bumi -laut -gelombang -bahtera -awan -pasir -bunga | -pegang -bibir -hembus | -jelajah -menari -sedih -tamak -ketenangan -ketenteraman | -pemikiran -lembah bertamadun | | |
| Rosli K. Matari (Mengingati-Mu Allah) muka surat 259 | -pelita -daun -hujan -mata air -sungai -embun -bintang | | -rawan -rindu -mencari berpisah | -bersyukur -insaf -hidup ini fana | -Nikmat-Mu -keagungan- Mu | Lima Fakulti |

Merujuk kepada jadual 1 juga, didapati bahawa semua sajak kaya dengan penggunaan alam yang begitu menarik yang digarap sebagai satu perlambangan. Abham T.R dalam sajaknya berjudul ‘Ketika Menunggu Matahari Terbenam’ membicarakan tentang dua unsur alam yang sangat penting iaitu matahari dan hujan, yang mana berperanan melengkapkan ekosistem alam.

*esok, masih adakah lagi matahari itu
setelah semalaman bersembunyi di ufuk barat
masih cerah lagi pagi timur
dengan sinar seninya.*

*Ada hujan lebat mencurah kali keinsafan
bagaimana kiranya air berhenti mengalir.*

Semua ini dihayati oleh pengarang, pada tahap hati nurani dan akli yang mana membawa kepada unsur rohani. Proses ini membawa kepada keinsafan dengan setiap rezeki yang Allah SWT anugerahkan. Sajak ini tiada pemerhatian pada tahap inderawi kerana semuanya sentiasa dihargai termasuklah kerjasama langit dan awan untuk membentuk hujan. Digambarkan kedua-dua unsur alam yang sentiasa bekerjasama melaksanakan tugas hakiki ini

*seperti sungai meski keruh
rajin mengalirkan rezeki
hujan luruh hampir setiap hari
menabur benih-benih kehidupan bumi.*

Sajak ini mencapai fakulti akli dan rohani yang mana mengikut Teori Takmilah karya begini mampu menjadikan khalayak lebih sempurna dan sentiasa berusaha menjadi lebih baik ke jalan Allah SWT. Sajak kedua karya Azli Ibrahim bertajuk “Pesan Ayah” menggunakan pelbagai unsur alam seperti yang tertera dalam Jadual 1. Dalam sajak ini, perlambangan yang dipaparkan

*Pesan ayah akan kutitip sebagai ingatan
agar generasiku membawa kegemilangan Islam*

Kehadirannya setiap masa mungkin tidak dihargai apabila perkara ini merupakan satu kebiasaan. Hal ini sangat berbeza bagi seorang penyair yang sentiasa mencatat setiap detik kehidupan dengan makna tersendiri. Keresahan seorang penyair andainya mentari dan hujan merajuk daripada tugas hakikinya. Hal ini dapat diteliti pada bait-bait berikut;

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara:32)

berlaku sekian lama, sehingga menghasilkan hujan membasahi bumi dengan pelbagai keajaiban yang Allah SWT ciptakan. Unsur-unsur alam lain yang turut mendapat faedahnya ialah sungai, bumi, ladang dan kebun. Keperluan yang saling melengkapi dalam mewujudkan kesejahteraan kepada manusia. Hal ini dapat dilihat pada bait-bait berikut pada empat baris terakhir sajak ini;

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara:32)

mengambarkan kesungguhan seorang ayah mendidik dan membimbing anaknya ke jalan Allah SWT melalui nasihat pada peringkat fakulti hati nurani yang sentiasa berbolak-balik antara kebaikan dan sebaliknya. Pesanan ini memberi kekuatan dan ingatan kepada anaknya yang berazam untuk meneruskan kecemerlangan generasinya mendalami Islam seperti berikut:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 69)

Banyak perkara menarik yang dibincangkan pada fakulti hati nurani, akli dan fakulti rohani. Keupayaan memahatkan kepercayaan agama sebagai penyuluh kegelapan dan segala ibadah sebagai ukuran keimanan mernjadikan seseorang itu sentiasa berusaha menjadi lebih baik seperti yang ditetapkan dalam Teori Takmilah.

Sajak Baharudidin Sairi bertajuk “Sewangi Ketupat Emak” membawa sedikit kelainan berbanding sajak-sajak sebelum ini. Hal ini berlaku apabila pengarangnya banyak menggunakan fakulti

*Di lingkungan pergerakan
jasad terkurung
wangi ketupat dari kampung
mati diperbatasan jalan.*

Sajak ini menepati semua lima fakulti yang ditetapkan dalam Teori Takmilah, hal ini memberi satu keistimewaan yang memperlihatkan urutan penggunaan unsur alam begitu menarik sehingga berjaya menarik perhatian khalayak untuk menjadi lebih baik.

*Sedetik yang lalu
langit menjatuhkan hujan
seperti biasa
tanpa kata-kata.*

Peringatan kematian yang berlaku pada setiap masa bagaikan langit yang menjatuhkan hujan akan menjadikan khalayak sentiasa beringat-ingat kepada kematian dan bersedia mencari bekalan dan berusaha untuk menjadi lebih baik. Dari sisi tauhid, penciptaan seluruh hidupan mempunyai kitaran yang sempurna bagi memastikan keseimbangan alam (Iqbal Saujan & Ahamed Sarjoon 2021). Dalam puisi ini, kitaran berkenaan ditamsilkan melalui ‘senja’ sebagai usia

*Rahmat bulan dan matahari terkadang gerhana
bintang jua kadang malap berkelip dengan hadirnya hujan
sukarnya tanpa bintang matahari dan bulan
agung ciptaan Rabbul Izzati.*

inderawiah untuk menggambarkan kerinduan kepada masakan seorang ibu pada hari raya. Keresahan pada tahap fakulti hati nurani dibicarakan dengan teliti sehingga membawa kepada kesedaran pada fakulti fikiran bahawa lingkungan pergerakan ini ialah satu perintah yang perlu dipatuhi demi kebaikan sejagat. Musibah yang memaksa kerajaan melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberikan keinsafan kepada semua pihak agar bersedia dengan pelbagai kemungkinan yang mungkin berlaku. Hal ini dapat diteliti seperti pada baris berikut:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 69)

Indri Yuswandari dengan sajak yang bertajuk “Sebelum Senja Tiba” memaparkan penggunaan alam yang dominan khasnya perkataan senja dalam membayangkan kematian yang bakal menjemput semua insan. Berdasarkan jadual satu, sajak ini mempunyai empat daripada lima fakulti kecuali fakulti rohani. Hal ini memperlihatkan keunikan fakulti akli yang begitu menarik seperti di bawah:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 142)

dan kehidupan seseorang akhirnya yang akhirnya akan tua dan menuju kematian.

Sajak Mahasin Mearaj bertajuk “Bintang, Matahari dan Bulan” kaya dengan pelbagai unsur alam sesuai dengan tajuk yang dipilih. Sajak ini sarat dengan pengajaran dan menghuraikan fungsi setiap unsur alam yang dipilih dengan baik. Sajak ini juga merangkumi lima fakulti yang begitu memberi mesej agar menghargai semua anugerah yang tidak ternilai ini:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 162)

Lumrah alam dan kehidupan yang penuh halangan, diibaratkan dengan bulan dan matahari yang gerhana, bintang yang malap kerana hujan justeru apalagi manusia yang kadang-kadang sakit dan tewas dalam perjuangan. Keadaan ini dikaitkan dengan fenomena alam yang setia menjalankan tugas hakiki walaupun kadang-kadang unsur alam tersebut ditimpa masalah. Namun, hal ini tidak menjadi halangan untuk menjalankan tugas hakikinya. Situasi ini merupakan peringatan agar sentiasa bersedia dengan pelbagai kemungkinan dan menghargai ciptaan Yang Agung Rabbul Izati.

Muhammad Lufti Wijaya Jaya dalam sajak “Bunga Ketenangan” memujuk setiap insan khususnya pesakit agar bersabar menghadapi cabaran. Menurut Abu Dzar Ahmad, et al. (2023), implementasi sifat sabar mencerminkan akhlak seseorang muslim. Ia

*Hati lembaran putih
jangan noda dengan dakwat hitam
dari wajah tamak dan pekak
mendengarkan perenungan dan penghijrahan
ke arah lembah yang bertamadun.*

Berdasar jadual satu sajak ini mencapai empat fakuti, namun pada fakulti akli membawa makna yang tersendiri kepada semua manusia. Keupayaan membentuk pemikiran yang positif sehingga berjaya menuju ke arah lembah yang bertamadun. Justifikasi yang membawa manusia berfikir lebih baik dan mencari lebih banyak kebaikan menuju ke jalan Allah SWT.

Sajak terakhir karya Rosli K. Matari bertema “Mengingati-Mu Allah” sarat dengan unsur

*Bagai daun
dalam hujan
bersyukur; begitu banyak
limpah derai nikmat-Mu.*

*Bagai mata air
ke sungai,
mencari
lautan Keagongan-Mu.*

merupakan sebahagian nilai pembangunan moral insan yang perlu dipraktikkan dalam semua urusan kehidupan yang mewujudkan keharmonian dan kestabilan hubungan. Sabar dengan setiap ujian juga menyerlahkan pemikiran, identiti dan jati diri seseorang individu mengaplikasi sifat mahmudah apabila berurusan dengan emosi (Abu Dzar Ahmad, et al. 2023; Ernadewita & Rosdielina 2019; Miskahuddin 2020; Mutaqin 2022). Kesabaran menjadi terapi minda dan kemuncak ketaatan seseorang hamba (Ernadewita & Rosdielina 2019). Ini secara tidak langsung menjadi peringatan supaya manusia tidak terjebak dengan perkara tidak sepatutnya semasa diuji oleh Allah SWT. Sebaliknya, hal ini merupakan satu perkara yang perlu difikirkan agar manusia menjadi lebih baik. Hal ini dapat dilihat pada rangkap berikut:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 183)

ketuhanan, melahirkan hasrat dan pencarian diri untuk mengungkapkan kesyukuran tidak terhingga *bagai daun dalam hujan* dengan segala anugerah-Nya. Penyajak berupaya menyelitkan pelbagai unsur alam sebagai perlambangan seperti daun, hujan, mata air, sungai, embun dan bintang. Penyajak banyak berfikir tentang alam dan kehidupan yang mana seterusnya melahirkan kesyukuran kepada Allah SWT dengan meniti bait berikut:

(Antologi Cakerawala Islam Nusantara: 259)

Kesemua unsur ini diganding dengan pemilihan diksi yang sesuai dan memberikan kesan seperti pada gandingan *bagai bayang pada pelita, bagi daun dalam hujan, dan bagi mata air ke sungai*. Merujuk kepada jadual 1, pada keseluruhannya sajak Rosli K. Matari begitu dominan dalam mengaplikasi lima fakulti keinsanan dalam usaha menjadikan khalayak lebih baik, bermula daripada unsur alamiah membawa kepada pancaindera, hati nurani, akli dan rohani.

KESIMPULAN

Kajian mendapati setiap penyair berusaha menyebarkan kebaikan dengan mengajak khalayak menjadi lebih baik dalam karyanya. Lima daripada tujuh sajak yang dianalisis mencapai lima fakulti berdasarkan Teori Takmilah. Walaupun sajak “Sebelum Senja Tiba” dan “Bunga Ketenangan” hanya mencapai fakulti akli, namun kedua-dua sajak ini tetap mengajak khalayak menjadi insan yang lebih baik. Tujuh pengarang terpilih mempunyai latar belakang yang berbeza, yang mana menonjolkan kelainan dalam menggarap karya. Perbezaan tugas hakiki dan peranan dalam persatuan penulis menonjolkan kelainan persoalan yang dilontarkan seperti dalam perbincangan di bawah.

Sajak Abham T.R menonjolkan tanggungjawab sungai dan hujan mengalirkan bumi dengan benih-benih kehidupan yang harmoni. Sepatutnya manusia mengambil pengajaran daripada peranan sungai yang makin uzur dan keruh. Keadaan sebegini tidak menghalang sungai untuk terus mengalir menebarkan rezeki pada bumi. Berdasarkan unsur alam yang digunakan dan cara pengarang menggarapnya didapati terdapat lima fakulti yang jelas dalam sajak ini mengikut Teori Takmilah. Pada tahap alamiah, segala peristiwa secara alami dan mencapai tahap inderawiah apabila dapat dilihat dan dipegang. Akhir sekali, tahap kelima dapat dilihat pada pemilihan perkataan syukur yang mana menggambarkan terdapat hubungan antara manusia dengan Allah SWT dengan limpahan dan anugerah yang indah dan bermakna.

Seterusnya sajak “Sewangi Ketupat Emak” karya Cikgu Baharuddin Sairi mengisahkan tentang peristiwa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diperkenalkan kerajaan untuk mengekang virus-19 (*virus COVID-19*) yang mengganas bermula Mac 2020, kesannya menghimpit semua rasa kemanusiaan. Unsur alam yang digunakan dalam sajak ini seperti angin, embun, air mata, hujan,

kerinduan untuk pulang ke kampung halaman yang tidak dapat dilaksanakan walaupun menjelang hari kebesaran seperti Hari Raya. Tema semasa tentang hari raya digarap penyair ini dengan begitu menarik dan berjaya mengajak khalayak menjadi lebih baik dengan mengingati ahli keluarga yang tersayang.

Kebolehan mengolah karya yang bertepatan dengan tema dan bersandarkan ajaran Islam yang syumul amat dituntut kepada setiap pengarang Muslim. Hal ini sejajar dengan pendapat bahawa jika kesemua tatacara ini dipenuhi dengan cermat oleh karyawan sastera yang memanfaatkan al-Quran dan hadis dalam karya kreatif, maka kedudukan al-Quran dan hadis akan sentiasa terpelihara, manakala karya kreatif akan menjadi lebih bermanfaat hasil daripada pemanfaatan al-Quran dan hadis. Hal ini membuktikan ACIN berupaya melaksanakan tuntutan berkarya tentang kepentingan alam diselitkan indah dalam karya kreatif. Mesej disampaikan secara mudah difahami dan memberikan kesan lebih baik kepada pembaca.

Secara keseluruhan, Teori Takmilah didapati mendukung objektif untuk membawa khalayak ke arah mengenal pencipta-Nya dan dimanfaatkan kefahaman tersebut dalam setiap sajak yang dianalisis. Justeru, penerapan unsur alam dalam karya memberikan kesan yang positif berdasarkan mesej yang disalurkan oleh panyajak. Teori Takmilah memperincikan hubungan pengkarya dan khalayak sejajar dengan pengkajian karya sastera berdasarkan prinsip ketujuh dalam Teori Takmilah dalam karya masing-masing. Proses melengkapkan unsur alam dan mesej menjadikan khalayak lebih baik dalam kesusasteraan dilakukan dengan cara memberikan pengajaran, nasihat, penceritaan, peringatan, dan teladan yang baik. Hal ini sejajar dengan matlamat dalam Teori Takmilah yang mana menjadikan khalayak lebih sempurna. Kajian seterusnya boleh digarap dengan menggunakan prinsip yang sama dan enam prinsip lain yang ada dalam Teori Takmilah.

SUMBANGAN PENGARANG

Artikel ini adalah hasil sumbangan empat orang penyelidik iaitu Maisarah Yaacob, Maharam Mamat, Zaliza Mohamad Nasir, Daing Zairi Ma'arof. Konsep dan struktur penyediaan draf

asal: Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat. Kajian literatur: Maisarah Yaacob dan Maharam Mamat. Pentafsiran dan analisis teks: Maisarah Yaacob, Maharam Mamat dan Zaliza Mohamad Nasir. Bahasa: Zaliza Mohamad Nasir, Daing Zairi Ma'arof dan Exzayrani Awang Sulaiman. Semakan dan penyuntingan: Maisarah Yaacob, Maharam Mamat, Zaliza Mohamad Nasir, Daing Zairi Ma'arof dan Exzayrani Awang Sulaiman. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan artikel.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman dan Abd. Razak Ismail. 2023. *Cakerawala Islam Nusantara* : Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Kelantan
- A. Aziz Deraman. 2000. Kesusasteraan kebangsaan dalam sistem pendidikan: Membentuk masyarakat Madani di Malaysia: *Dewan Sastera*: Februari. 13-17.
- Abu Dzar Ahmad, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Muhamad Razif Ahmad & Mohd Arif Nazri. 2023. Relevansi sabar dalam pembangunan moral komuniti kejiranan menurut pendekatan nabawi. *ISLAMIYYAT* 45(1) 2023: 243-252.
- Abdul Hamid & Badrah Uyuni. 2023. Human needs for dakwah: The existence of kodi as the capital's da'wah organization. *TSAQAFAH* 19(1): 1-26.
- Ahmad Fadhli. 2023. Hubungan kecerdasan intelektual dan spiritual dalam pembinaan karakter bangsa. *Abdurrauf Journal Of Islamic Studies (ARJIS)* 2(2): 109-121.
- Al-Qur'an. 2007. *Mushaf Malaysia Dan Terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Ali Ahmad. 1999. *Kisah-kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. Penyelenggara. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Allen, S., & Fry, L.W. 2023. A Framework for Leader, Spiritual, and Moral Development. *J Bus Ethics* 184: 649-663.
- Atari, M., Haidt, J., Graham, J., Koleva, S., Stevens, S. T., & Dehghani, M. 2023. Morality beyond the WEIRD: How the nomological network of morality varies across cultures. *Journal of Personality and Social Psychology*, 125(5), 1157-1188.
- Ernadewita & Rosdialena. 2019. Sabar sebagai terapi kesehatan. *Jurnal Kajian dan Pengembangan Umat*, 3(1): 45-65.
- Fawzia Gilani-Williams. 2023. An Introduction to Islamic Literary Theory: A Conceptual Framework for High School Students, *ISLAMIYYAT* 45(1) 2023: 03-11.
- Haron Din. 2010. *Manusia Dan Islam Jilid Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Helzer, E.G., Cohen, T.R., & Kim, Y. 2021. The Character Lens: A Person-Centered Perspective on Moral Recognition and Ethical Decision-Making. *Journal of Business Ethics*, 182: 483-500.
- Iqbal Saujan & Ahamed Sarjoon Razick. Awareness of Environmental Protection amongst Muslims in Ampara District, *ISLAMIYYAT* 43(2) 2021: 27-37.
- Jaffary Awang & M. Adib Fuadi Nuriz. 2020. Islamic Educational Thought in Indonesia: Study of Azyumardi Azra's Thought, *ISLAMIYYAT* 42(2) 2020: 61-70.
- Jamilah Hj. Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid & Juliana Abdul Wahab. 2011. Pengetahuan, Sikap dan Amalan Masyarakat Malaysia terhadap Isu Alam Sekitar, *Akademika* 81(3) 2011: 103-115.
- Kamariah Kamarudin. 2014. Kajian Takmilah Dalam Perkembangan Novel Melayu. *dIm*, Abdul Halim Ali (Selenggaraan) *Teori Takmilah Perluasan & Penafsiran*. Tanjung Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Kamarudin Mat-Salleh, M.Nazre Saleh & A.Latif. 2002. Sejarah dan perkembangan etnobotani Malaysia *dIm*. Tumbuhan Ubatan Malaysia, Kamarudin Mat-Salleh & A.Latif (Penyt.). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kivikangas, J. M., Fernández-Castilla, B., Järvelä, S., Ravaja, N., & Lönnqvist, J. E. 2021. Moral foundations and political orientation: Systematic review and meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 147(1): 55-94.
- Kurik kundi Merah Saga. 2013. *Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maharam, Maisarah dan Norasiah. 2012. "Tarbiyah Dalam Novel Papa", *dIm Jurnal MALIM: SEA Jurnal of General Studies*. Universiti kebangsaan Malaysia: Pusat Pengajian Umum Asia Tenggara. Vol 13. (Julai: 2012): 119-132.
- Maisarah Yaacob. 2017. Unsur Tarbiah dalam Novel KOMSAS. *Tesis Doktor Falsafah*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Maisarah dan Maharam. 2014. Tarbiah Alam Dalam Novel KOMSAS. Kuala Lumpur: *Akademi Pengajian Melayu*, Universiti Malaya. Jilid 25, 2014: 62-101.
- Maisarah binti Yaacob. 2001. Ustaz Dan Nurul Hidayah: Analisis Takmilah. *Tesis Sarjana Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marti-Vilar, M., Escrig-Espuig, J. M., & Merino-Soto, C. 2023. A systematic review of moral reasoning measures. *Current Psychology*, 42(2): 1284-1298.
- Miskahuddin. 2020. Konsep sabar dalam perspektif al-Quran. *Jurnal Ilmiah Al-Mua'shirah* 17(2): 196-207.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2018. Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Khairul Nizam. 2012. *Motivasi Gaya Rasulullah*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn. Bhd.

- Mohd Shahrizal Nasir. 2015. Penyelewengan Akidah tentang *Al- Ghaybiyyat* dalam Novel *Na'ib Izra'il* dlm Malaysia-Indonesia Bahasa Sastera dan Budaya. Disunting oleh Maslida Yusof, Mohamad Azlan Mis, Yusmilayati Yunos dan Mohamad Rodzi Abd. Razak. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Bukhari Lubis. 2004. Sumbangan Puisi Syeikh Ahmad Al-Fatani (Q. S.) Dalam Kesusasteraan Melayu Islami. *dlm*, Mohamed Anwar Omar Din (Penyunting) *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Al-Ghazali. 2010. *Akhlaq Seorang Muslim*. Terjemahan Abu Laila Muhammad Tahir. Kuala Lumpur: Victoria.
- Mutaqin, M. Z. 2022. Konsep sabar dalam belajar dan implikasinya terhadap pendidikan Islam. *Journal of Islamic Education: The Teacher of Civilization* 3(1): 1-16.
- Kamariah Kamarudin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin Ibrahim. 2005. *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Reformasi Fikah Semasa*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. 2014. Puisi Mistik dan Kerohanian Bunga-bunga Suci Karya Suhaimi Haji Muhammad Pandangan Takmilah. *dlm*, Abdul Halim Ali (Selenggaraan) *Teori Takmilah Perluasan & Penafsiran*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Mohd. Hazim Shah Abdul Murad. 2009. *Sains, Agama dan Budaya di Alam Melayu* (penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2023). Unsur-unsur sejarah dalam cerita rakyat Melayu di Malaysia. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 54-70.
- Nor Raudah Hj. Siren. 2006. *Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Okti Ayu Lestari, Reynatania Meydiana Sahara, Zulfa Azza Ardhini & Inayatul Chusna. 2020. Mitos Dan Kritik Lingkungan Dalam Film Aquaman (2018), *Buletin Al-Turas* Vol. 26 No. 1 January 2020; 85-101.
- Rila Setyaningsih. 2023. The Phenomenon of E-Dakwah in the New Normal Era: Digital Literacy of Virtual Da'i in Da'wah Activities. *International Journal of Islamic Thought and Humanities* 2, no. 1 (2023): 65-75.
- Sasan, J. M. 2023. Existentialism and its Influence on Our Understanding of Knowledge, Truth, Morality, Values, and Religion. *European Journal of Learning on History and Social Sciences*, 1(1): 40-48.
- S.M. Zakir. 2011. Sastera 2011 Penuh Kontroversi. *Utusan Online* 25 Disember.
- Shahnon Ahmad. 2010. *Kembara Seorang Hamba*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Shafie Abu Bakar. 2004. Fokus Sastera Islam Dalam Mohamed Anwar Omar Din (Penyunting) *Sastera Islam Citra Nurani Ummah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafei Abu Bakar. 2000. Nilai dan Sastera Dalam Teori Takmilah. *Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya*. Putrajaya: Hotel Renaissance Palm Garden. 26-28 September.
- Shafei Abu Bakar. 1997. *Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu*. Anjuran Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewan Bahasa Pustaka dan Kementerian Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Shafie Abu Bakar. 1996. Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip. *Dewan Sastera*. November, 26-31.
- Shafie Abu Bakar. 1995. Kau dan Aku: Satu Analisis. *Dewan Sastera*. Januari.
- Shafie Abu Bakar. 1995. Sastera sebagai Media Dakwah, *Dalam Kebudayaan Melayu di Ambang Abad Baru Satu Himpunan Makalah* (editor) Hanapi Dollah dan Lokman Mohd Zen. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shuhairimi Abdullah. 2009. *Dinamisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Siti Dahlia Abdullah & Mawar Safei. 2023. Identity of Women in Hijrah Diri Novel from Perspective of Al-Ghazali. *Tujin Jishu/Journal of Propulsion Technology*, 44, no. 4 (2023): 215-223.
- Siti Faridah Leong Abdullah, Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2023. Leaderships Of Leaders In Sulalatus Salatin Text, International Conference Of Research On Language Education, I-ROLE 2023, In *European Proceedings Of Educational Sciences*, vol 7: 299-308.
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Rohayati Junaidi, Zainoren Zul, Eizah Mat Hussin, Farrah Atikah Saari, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Suraya Sukri, Mohd Firdaus Che Yaacob, dan Nurulahda Sulaiman. 2022. Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah. *PENDETA* 13, no. 1 (2022): 47-57.
- Siti Zainon Ismail. 2005. Wanita dalam Sastera di Malaysia *dlm* Hamzah Hamdani (editor) *Islam di Malaysia dan Sastera Nusantara*. Gapeniaga Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Talib Samat. 2004. *Kesusasteraan, Kebudayaan, Pemikiran & Pendidikan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md Yusoff & Fadillah Mansor. 2021. Building Student Character through Contextual Learning Approach: Islamic Education Novice Teachers' Experiences, *ISLAMIYYĀT* 43(2) 2021: 39-52.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2007. Kritikan Sastera Melayu Antara Cerita dengan Ilmu. *Syarah Perdana Di Bilik Senat Universiti Kebangsaan Malaysia*. 30 November.
- Wan Akmal Wan Semara. 2005. *Unsur Puitika dalam Puisi Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- White, C. J. M., Muthukrishna, M., & Norenzayan, A. 2021. Cultural similarity among coreligionists within and between countries. *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America*, 118(37), Article e2109650118.
- Yahaya Jusoh, Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yasir Ismail Radi. 2008. *Surah al-Mulk*. Kuala Lumpur: Penerbit UIAM.
- Yusof al-Hajj Ahmad. 2012. *Ensiklopedia Kemukjizatan Sains dalam Al-Quran & Sunah*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Zainuddin Zainuddin, Mustafiyanti & Muhammad Muttaqin. 2022. Strategi Dan Implementasi Budaya Religius dalam Membangun Karakter Siswa. Raudhah Proud To Be Professionals: *Jurnal Tarbiyah Islamiyah*, Vol. 7, No. 2, Dec. 2022: 45-59.
- Zurina Zakaria & Ashraf Ismail. 2023. Akhlak Guru Muslim: Antara Realiti dan Ideal, *ISLĀMIYYĀT*, 45(Isu Khas) 2023: 3-18.